

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang Dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting mengenai pembiayaan anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapatinya berguna untuk mereka; **anda juga harus membacanya.**



Tarikh: _____

1. Apa itu Pembiayaan Peribadi-i BAE AG (BAE AG PF-i)?

BAE AG PF-i ialah produk pembiayaan peribadi tidak bercagar yang ditawarkan kepada kakitangan agensi kerajaan. Ia dikira berasaskan kadar tetap sehingga kemudahan tersebut matang.

Pembiayaan ini hanyalah untuk penggunaan peribadi sahaja. Pembiayaan ini hendaklah tidak digunakan untuk tujuan pelaburan yang amaun pokoknya tidak dilindungi (iaitu apa-apa pelaburan yang amaun pokoknya tidak dijamin/tidak dilindungi seperti pelaburan dalam ekuiti dan unit amanah) dan untuk tujuan yang tidak produktif/tidak penting (misalnya perayaan, percutian dan perkahwinan) bagi mengelakkan masalah kewangan yang boleh menyebabkan beban pada masa hadapan.

Konsep Syariah yang diguna pakai ialah:

- **Bai' Inah** (Jualan dan Pembelian Semula) – Satu pengaturan yang melibatkan jualan aset kepada pembeli atas bayaran tertangguh (kos ditambah keuntungan) dan pembelian semula aset tersebut pada harga tunai yang lebih rendah daripada harga jualan tertangguh.

2. Ketahui Kewajipan Anda

Bagi pembiayaan ini, sebagai ilustrasi:

- Amaun pembiayaan anda: **RM** _____
- Ansuran bulanan anda: **RM** _____
- Ansuran terakhir anda: **RM** _____
- Tempoh pembiayaan anda: ____ **tahun**
- Kadar keuntungan: ____ % **setahun**
- Kadar Keuntungan Efektif (EPR): ____ % **setahun**

Keseluruhannya, anda akan membayar sebanyak **RM** _____ pada akhir ____ **tahun**.

Anda perlu membayar **fi** dan **caj** yang berikut:

- **Duti Setem:**
 - a) Penyeteman atas Perjanjian Utama: **Ad valorem**
 - b) Penyeteman atas Surat Tawaran: **RM10.00**
- **Caj Pembayaran Lewat/Caj Ganti Rugi (Ta'widh) (jika berkenaan):**
 - a) Sebelum tarikh matang kemudahan: 1% setahun atas ansuran lampau tempoh/baki belum jelas.
 - b) Selepas tarikh matang kemudahan/selepas penghakiman: Kadar semalaman harian semasa Pasaran Kawangan Antara Bank Islam (IIMM) atas baki belum jelas.

Untuk senarai penuh fi dan caj, sila layari laman web kami melalui www.publicislamicbank.com.my.

Jika anda ingin menyelesaikan pembiayaan anda lebih awal, anda perlu tahu bahawa:

- Bank akan memberikan rebat (*ibra'*) atas keuntungan tertangguh semasa penyelesaian.
- Tiada Fi Penyelesaian Awal akan dikenakan.

Anda bertanggungjawab untuk:



Baca dan fahami **terma-terma utama** dalam **kontrak** sebelum anda menandatangani.



Bayar ansuran bulanan anda tepat pada masanya dan sepenuhnya selama ____ **tahun**. Hubungi kami jika anda berhasrat untuk menyelesaikan pembiayaan anda lebih awal.



Segera hubungi kami jika anda tidak dapat membayar ansuran bulanan anda.

3. Ketahui Risiko Anda

Apakah yang akan berlaku jika anda gagal untuk memenuhi kewajipan anda?

- Anda perlu **membayar lebih secara keseluruhan** disebabkan oleh caj pembayaran lewat/caj ganti rugi (*Ta'widh*).
- Kami boleh **menolak** wang daripada mana-mana akaun deposit anda yang disenggara dengan kami bagi menolak selesai baki pembiayaan anda yang tertunggak.
- Kami boleh **mengambil tindakan undang-undang** terhadap anda.
- **Skor kredit** anda mungkin akan terjejas menyebabkan kredit menjadi lebih sukar atau mahal kepada anda.

4. Syarat Utama Lain

- Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada Bank mengenai apa-apa perubahan dalam maklumat untuk menghubungi anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.
- Anda boleh memilih untuk menggunakan panel pengendali Takaful Bank.
- Anda hendaklah memaklumkan sepenuhnya dan dengan tepat mengenai semua pembiayaan sedia ada daripada mana-mana institusi kewangan atau kredit, kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan kadar pembiayaan yang lebih tinggi atau permohonan anda ditolak.
- Tiada cagaran diperlukan.
- Sekiranya anda menerima apa-apa tawaran yang meragukan daripada pihak ketiga yang tidak dibenarkan, sila laporkan kepada Bank dengan segera.
- Pelanggan/penjamin (jika berkenaan) digalakkan untuk mengambil perlindungan Takaful bagi memberikan perlindungan sekiranya berlaku hilang upaya kekal meyeluruh atau kematian.
- Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pinjaman secara percuma kepada individu.

Jika anda mempunyai apa-apa soalan atau memerlukan bantuan mengenai pembiayaan anda, anda boleh:



Hubungi kami melalui:
03-2176 6000



Layari laman web kami melalui:
<https://www.publicislamicbank.com.my/>



E-mel kami melalui:
islamicbkg@publicislamicbank.com.my

Perakuan Pelanggan*

Pastikan anda mengisi sendiri bahagian ini dan mengetahui tujuan anda menurunkan tandatangan.

- Saya mengakui bahawa Public Islamic Bank telah memberikan sesalinan PDS kepada saya.
- Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam PDS ini.

*Perakuan pelanggan terhadap PDS ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan penyelesaian sekiranya berlaku pertikaian berhubung dengan terma dan syarat produk pada masa akan datang.

Nama:

Tarikh: